

VOLUME III
SERIES II
OCTOBER 2022

arte

Art and Expression

ART + COMMUNITY

EDUCATION



© Unit Penerbitan UiTM Perak, 2022

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No eISSN: 2805-5071

Cover Design: Nur Muhammad Amin Bin Hashim Amir
Typesetting : Syed Alwi Bin Syed Abu Bakar (Dr.)¹
Aznan Bin Omar (Dr.)²

E

Editorial Board

PATRON OF HONOR

Professor Sr Dr Md Yusof Hamid AMP
(Rector, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

ADVISOR

Dr Zainudin Md Nor
(Head of the Faculty, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHAIRMAN

Dr Aznan Omar¹
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Dr Hamidi Hadi²
(Program Coordinator, Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF EDITORS

Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar¹
(Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Dr Aznan Omar²
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

EDITORS

Dr Hamidi Hadi
Pn Noor A'yunni Muhamad
Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad
En Noor Enfendi Desa
Dr Azian Tahir
En Mahizan Hijaz Mohammad
Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin
En Muhammad Salehuddin Zakaria
Pn Hairulnisak Merman
En Anwar Fikri Abdullah
En Nur Muhammad Amin Hashim Amir

SECRETARY

Pn Noor A'yunni Muhamad¹
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad²
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

TREASURER

En Noor Enfendi Desa
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF PANEL REVIEW

Dr Azian Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF TRANSLATOR

En Mahizan Hijaz Mohammad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF DOCUMENTATION

Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

LEAD PROMOTER

En Muhammad Salehuddin Zakaria
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF TECHNICAL

Pn Hairulnisak Merman¹
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Anwar Fikri Abdullah²
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

LEAD DESIGNER

En Nur Muhammad Amin Hashim Amir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

COMMITTEE MEMBER

Cik Afina Zalifah Zat Azeni
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

ART AND COMMUNITY: PENGGUNAAN AKTIVITI ORIGAMI DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN TULISAN TANGAN DI KALANGAN KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN

a chapter by

ROSILAH WAHAB & MOHD HANAFI MOHD YASIN

Faculty of Health Sciences, Universiti Teknologi MARA, Selangor Campus, 42300 Bandar Puncak Alam,
Selangor.

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia



Abstrak

Keupayaan menulis merupakan suatu kemahiran yang menjadi punca atau asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam pelbagai disiplin ilmu di sekolah. Pencapaian dan kebolehan yang tinggi dalam kemahiran menulis pasti dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran murid dalam subjek-subjek yang diajar oleh guru-guru. Masalah mekanisma kemahiran tulisan tangan merupakan satu daripada ciri-ciri yang biasa dilihat pada Kanak-Kanak Berkeperluan khas Bermasalah Pembelajaran (KKBKBP). Justeru itu, kemahiran tulisan tangan di kalangan kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran merupakan satu isu yang perlu dititikberatkan kerana ianya boleh membantutkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Tujuan kajian ini adalah mengetahui keberkesanan aktiviti origami dalam meningkatkan kemahiran tulisan tangan di KKBKBP. Bagi kajian ini, seramai 40 orang responden dipilih berdasarkan keputusan Penilaian Penulisan Tangan Minnesota (PPTM) yang memperoleh keputusan 'terkebawah rakan sebaya'. Hasil kajian ini mendapati bahawa aktiviti origami ini mempunyai peningkatan tulisan tangan yang signifikan. Konklusinya, aktiviti origami dapat membantu meningkatkan kemahiran tulisan tangan KKBKBP.

Pengenalan

Origami bukan hanya mengubah sekeping kertas menjadi sebuah bentuk, tetapi, ia juga memberi manfaat seperti meningkatkan kreativiti dan imaginasi, ketekunan bahkan juga ketelitian. Di samping itu Rich (2014) juga mengatakan bahawa

setiap tahap kesusahan origami mempunyai manfaat yang tersendiri seperti membantu dalam perkembangan motor halus dan motor kasar. Sebagai contoh, duduk dengan tegak sambil melipat kertas adalah salah satu kebolehan motor kasar yang sangat diperlukan bagi kanak-kanak yang sedang membesar kerana kemahiran duduk tersebut mampu membantu mereka untuk menyesuaikan badan selari dengan keperluan persekitaran dan tugas. Ketika melakukan aktiviti menulis.

Sistem Pendidikan Negara melahirkan pelajar yang seimbang, Falsafah Pendidikan Khas juga mempunyai matlamat yang hampir sama iaitu: "Ia menyediakan perkembangan optimum kanak - kanak dengan keperluan Pendidikan Khas agar dapat berfungsi sebagai individu yang berkemahiran, berdikari, berhaluan, boleh merancang, mengurus kehidupan seharian.

Menurut Teoh et al, (2008), masalah mekanisma kemahiran tulisan tangan merupakan satu daripada ciri-ciri yang biasa dilihat pada KKBKBP. Isu ini merupakan masalah yang umum bagi kanak-kanak Sekolah Pendidikan Khas. Kajian mendapati bahawa ramai menghadapi masalah dalam menulis (Case Smith, 2002). Kanak-kanak yang menghadapi masalah kemahiran tulisan tangan ini menghadapi masalah dengan tulisan tangan yang buruk, tidak konsisten dan seragam, masalah dalam penggunaan ruang-ruang antara huruf atau ruang-ruang antara perkataan, huruf perkataan atau ayat tertinggal dan kesilapan dalam memasukkan huruf yang tertinggal dan kesilapan dalam memasukkan huruf-huruf yang sesuai dalam ayat (Zwiker & Montgomery, 2012).

Menurut Rosenblum et. al (2010) antara masalah semasa aktiviti kemahiran tulisan tangan ini adalah masalah ketidakcekapan koordinasi mata dan tangan semasa menulis. Akibatnya KKBKBP tidak dapat menulis garis perkataan dengan tepat serta mencampur aduk huruf besar dan huruf kecil. Ketidakcekapan murid-murid menguasai tulisan tangan menjadikan mereka tidak berminat untuk belajar dan tidak memberikan tumpuan sepenuhnya.

Origami

Origami ialah melibatkan aktiviti melipat. Origami membantu dalam peningkatan kawalan visual motor, manipulasi dalam tangan, kejituan kawalan motor, penaakulan keruangan (spatial reasoning), kebolehan untuk memeriksa, mengubah, mengaplikasikan, membuktikan dan berkomunikasi serta visual keruangan (spatial visualization), penggunaan kedua-dua belah tangan tanpa dominasi satu tangan dan integrasi visual motor dimana ia dibuktikan oleh kanak-kanak Timur Jauh yang sering bermain dengan origami (Zwiker & Montgomery, 2012). Aktiviti origami merupakan salah satu aktiviti motor halus. Menurut Hefron (2016), kemahiran motor halus adalah koordinasi otot-otot kecil yang diperlukan untuk melakukan aktiviti seharian, antaranya aktiviti melipat kertas. Kelewatan perkembangan dalam kemahiran motor halus boleh menjadi salah satu sebab kesukaran dalam menulis. Seperti hasil kajian yang dilakukan oleh Feder et. al, (2000) menyatakan bahawa kanak-kanak yang mempunyai masalah penulisan tangan akan turut mempunyai masalah dalam visual persepsi, visual-motor integrasi dan koordinasi motor halus. Jadi, ianya terbukti bahawa kesukaran dalam penulisan tangan dalam kalangan kanak-kanak adalah dipengaruhi juga oleh kemahiran motor halus kanak-kanak tersebut. Origami merupakan aktiviti yang menyediakan latihan sistematik dan produktif untuk KKBKBP bergerak aktif dalam keadaan yang terkawal melalui arahan secara langkah demi langkah (Pitcher et. al, 2003). Aktiviti origami yang menggabungkan pelbagai deria membolehkan KKBPPP ini bukan sahaja memvisualkan suatu proses penghasilan produk yang kreatif dalam masa yang singkat malah mereka juga sebenarnya mampu menghasilkan persepsi yang positif seterusnya

menjadi rangsangan utama kepada KKBKBP untuk kekal dalam aktiviti menulis. Pemilihan origami sebagai intervensi adalah berdasarkan hasil kajian-kajian lepas yang menunjukkan penggunaannya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran berupaya memberikan impak positif kepada kemahiran belajar murid-murid di sekolah (Brook et.al 2005). Seterusnya, Clark (2010) mendapati bahawa guru yakin pengajaran menggunakan origami dapat meningkatkan kefahaman geometri (dari segi saiz dan bentuk) dan kemahiran spatial pelajar. Graham et.al (201) menunjukkan penaakulan pelajar terhadap geometri adalah lebih baik disebabkan pengajaran menggunakan origami yang bersifat manipulatif. Selain itu, Russell (2007) juga mengatakan bahawa dengan melipat kertas, ia dapat menguatkan otot halus sebagai persediaan untuk proses menulis. Hal ini disokong oleh Johnson et, al, (2013) yang mengatakan bahawa tujuan menguatkan motor halus adalah untuk meningkatkan fungsi dan kekuatan jari jemari serta mampu menyelaraskan kecepatan tangan dan mata. Di dalam penulisannya, jari yang kuat dapat memudahkan pelajar memegang pensil dengan cara yang betul agar tulisan yang terhasil mudah dibaca dan difahami.

Metodologi

Populasi Kajian

Jadual 1: Maklumat Demografi Sample kajian

Diagnosis Sample	Jantina	
	Lelaki	Perempuan
Sindrom down	5	4
Gangguan defisit tumpuan hiperaktif (Attention Deficit Hyperactive Disorder)	3	5
Hiperaktif	4	4
Lembam	4	3
Autisma	4	4

Bagi menentukan populasi pengkaji telah memilih empat buah sekolah daripada sekolah-sekolah PPKI yang telah menjalani penilaian kemahiran tulisan tangan. Teknik persampelan mudah (convenient sampling) telah digunakan dimana seramai 40 orang responden telah digunakan. 40 orang responden dipilih berdasarkan keputusan Penilaian Penulisan Tangan Minnesota (PPTM) yang memperoleh keputusan 'terkebawah rakan

sebaya'. Terke bawah rakan sebaya adalah dimana KKBKBP memperolehi keputusan hasil tulisan tangan kurang daripada 5% kanak-kanak yang sebaya dengan mereka. PPTM mengukur hasil tulisan tangan berdasarkan (i) bentuk, (ii) saiz, (iii) jajaran, (iv) kebolehbacaan (Rosenblum et al., 2010). Setiap sample kajian intervensi menjalani intervensi origami yang telah ditetapkan bagi setiap individu selama 30 minit bagi setiap sesi. Kajian intervensi ini telah dijalankan selama selama 16 minggu atau 32 sesi atau 16 jam. Case Smith (2002) menyatakan bahawa murid sekurang-kurangnya mesti menulis setiap hari atau minimum empat hari dalam seminggu yang mana pada hari-hari menulis sekurang-kurangnya 30 minit sesi menulis.

Jadual 2: *Perlaksanaan Aktiviti Origami Di jalankan Sessi Intervensi*

MINGGU	JENIS LIPATAN ORIGAMI
I	Melipat origami bentuk surat (4 langkah)
II	Melipat origami membentuk kucing (6 langkah)
III	Melipat origami membentuk perahu (8 langkah)
IV	Melipat origami membentuk bunga tulip (10 langkah)

Cara pelaksanaan aktiviti origami ini ialah berdasarkan module yang telah ditetapkan mengikut aktiviti dalam tempoh masa selama seminggu. Ia ditunjukkan dalam jadual satu.

Jadual 3 : *Berdasarkan analisis ujian Pemeringkatan Wilcoxon – Signed*

Pembolehubah	Pra – Ujian Median (IQR)	Pasca – Ujian Median (IQR)	Nilai – p
Kebolehbacaan*	28.0 (2.0)	33.0 (1.5)	0.034
Bentuk*	23.0 (6.0)	29.0 (2.5)	0.043
Jajaran*	20.0 (5.5)	28.0 (2.5)	0.042
Saiz*	25.0 (1.5)	31.0 (1.5)	0.039
Jarak*	25.0 (1.0)	31.0 (1.0)	0.038

Keberkesanan origami terhadap tulisan tangan kkbp di ukur dengan PPTM berdasarkan kebolehbacaan, bentuk, jajaran saiz dan bentuk Terdapat peningkatan yang signifikan berdasarkan analisis ujian wilcoxon signed, iaitu nilai p adalah kurang daripada 0.05 dalam aktiviti origami ke atas kebolehbacaan tulisan, bentuk tulisan, jajaran, saiz dan jarak tulisan bagi kumpulan aktiviti origami. Tulisan yang bagus atau elok adalah tulisan yang boleh di baca, huruf yang konsisten mengikut saiz dan bentuk dan mempunyai jajaran atau runag

yang sesuai antara perkataan (Dalam satu kajian mendapati bahawa kemahiran manipulasi tangan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembentukan huruf, yang seterusnya meningkatkan kebolehbacaan pada tulisan pelajar tersebut (Teoh et. al., 2008).

Kesimpulan

Kemahiran menulis sangat penting dalam kehidupan seharian. Ianya diperlukan dalam aktiviti seharian seperti menulis cek, mengisi apa sahaja jenis borang, belajar dan banyak lagi dan ia merupakan kemahiran yang asas di mana semua orang perlu mahir melakukannya untuk berdikari dalam kehidupan. Bagi mereka yang sudah mahir dalam menulis ini, mungkin tidak akan menghadapi masalah dalam perkara-perkara seperti ini pada masa hadapan, tetapi bagaimana pula dengan mereka yang mempunyai masalah menulis seperti KKBKBP (Clark, 2010).

Guru –guru akan sentiasa memberi yang terbaik dalam membantu kanak-kanak dalam aktiviti menulis agar mendapat tulisan yang baik. Tetapi jika masalah menulis yang dihadapi tidak dirawat atau tidak diubah menjadi lebih baik, KKBKBP ini mungkin menghadapi masalah yang besar untuk masa hadapan mereka. Kesimpulannya, guru - guru perlu tahu akan perkembangan kanak-kanak dari segi motor, kognitif dan deria agar mudah untuk mereka merancang aktiviti-aktiviti intervensi yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran termasuklah dari segi tulisan tangan. Guru-guru perlu mengambil berat kerana jika dibiarkan, ia akan memberi masalah untuk masa depan kanak-kanak tersebut terutamanya dalam aspek berdikari dalam kehidupan. Aktiviti origami melibatkan penggunaan motor halus sangat penting untuk membantu anak-anak mempunyai kemahiran motor halus yang diperlukan untuk kemahiran aktiviti menulis. kemahiran motor halus ketika aktiviti origami dilakukan termasuk mencengkam, memanipulasi, dan koordinasi mata-tangan adalah penting untuk kebolehan aktiviti menulis. Konklusinya, seni melipat kertas atau origami ini dapat digunakan sebagai kaedah dalam meningkatkan kemahiran motor halus pada KKBKBP dalam kemahiran tulisan tangan (Plonton et. al., 2013).

Rujukan

- Akta Pendidikan Malaysia. 1996. Kod amalan pendidikan murid berkeperluan khas
- Andreass, B. 2011. Origami art as a means of facilitating learning. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 11: 32–36.
- Brook, Uzi & Mona, B. 2005. Attention deficit and hyperactivity disorder/learning disabilities (ADHD/LD): parental characterization and perception. *Patient Education And Counseling* 57(1): 96–100.
- Cahill, S.M. 2009. Where does handwriting fit in? Strategies to support academic achievement. *Intervention in school and clinic* 44(4): 223–228
- Case-Smith, Jane. 2002. Effectiveness of school-based occupational therapy intervention on handwriting. *American Journal of Occupational Therapy* 56(1): 17–25.
- Clark, G.J. 2010. The relationship between handwriting, reading, fine motor and visual-motor skills in kindergarteners. https://www.researchgate.net/publication/254611154_The_relationship_between_handwriting_reading_fine_motor_and_visual-motor_skills_in_kindergarteners [1Januari 2021]
- Engel-Yeger, B., Hus, S. & Rosenblum, S. 2012. Age effects on sensory-processing abilities and their impact on handwriting. *Canadian Journal of Occupational Therapy* 79(5): 264–274.
- Feder, Katya, Majnemer, A. & Synnes, A. 2000. Handwriting: Current trends in occupational therapy practice. *Canadian Journal of Occupational Therapy* 67(3): 197–204.
- Graham, Steve & Harris, K.R. 2005. Improving the writing performance of young struggling writers: Theoretical and programmatic research from the center on accelerating student learning. *The Journal Of Special Education* 39(1): 19–33.
- Heffron, C. 2016. Handwriting Development: Sizing, Spacing, Alignment, and More! <https://theinspiredtreehouse.com/Handwriting-Development-Sizing-Spacing-Alignment-And-More/>[1 Januari 2021]
- Hoover, D. 1991. Handwriting, Posture and the Use of Pencil Gripper. <https://static1.squarespace.com/static/5d4df96b98010b000197ec53/t/5d59c8a8fd93c4000193d4e9/1566165931016/Handwriting.pdf> [1 Januari 2021]
- Jamian, A.R. 2021. Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 1–12.
- Johnson, B.P., Papadopoulos, N., Fielding, J., Tonge, B., Phillips, J.G. & Rinehart, N.J. 2013. A quantitative comparison of handwriting in children with high-functioning autism and attention deficit hyperactivity disorder. *Research in autism spectrum disorders* 7(12): 1638–1646.
- Karande, Sunil, Kumbhare, N., Kulkarni, M. & Shah, N. 2009. Anxiety levels in mothers of children with specific learning disability. *Journal of Postgraduate Medicine* 55(3): 165.
- Karen Sevaly. 2000. Large Scissor Skill Patterns for Developing Fine Motor Skills!. Teacher's Friend, a Scholastic Company. https://kdavisasuprep.weebly.com/uploads/3/0/6/2/30629341/kids_cut_packet.pdf. [1 Januari 2022]
- Karoll, D. 2008. Why is math so hard for some children? the nature and origins of mathematical learning difficulties and disabilities. https://www.researchgate.net/publication/234564963_Why_Is_Math_So_Hard_for_Some_Children_The_Nature_and_Origins_of_Mathematical_Learning_Difficulties_and_Disabilities[1 Januari 2021]
- Pitcher, T.M., Piek, J.P. & Hay, D.A. 2003. Fine and gross motor ability in males with ADHD. *Developmental medicine and child neurology* 45(8): 525–535.
- Planton, S., Jucla, M., Roux, F.-E. & Démonet, J.-F. 2013. The “handwriting brain”: a meta-analysis of neuroimaging studies of motor versus orthographic processes. *Cortex* 49(10): 2772–2787.
- Rosenblum, S., Aloni, T. & Josman, N. 2010. Relationships between handwriting performance and organizational abilities among children with and without dysgraphia: A preliminary study. *Research in Developmental Disabilities* 31(2): 502–509.
- Rosenblum, S., Weiss, P.L. & Parush, S. 2003. Product and process evaluation of handwriting difficulties. *Educational Psychology Review* 15(1): 41–81.
- Russell, A. 2007. Origami, Papierfalten, Papiroflexia: Paper Folding in Mathematics Education. *Proceedings of the Ninth International Conference on Mathematics Education in a Global Community*. Hlm. 572–576
- Temko, F. 1991. Paperfolding in schools. *Proc. First International Conference Origami Education Therapy (COET'91)* hlm. 223–228

- Teoh, H.-J., Cheong, S.K. & Woo, P.J. 2008. Student learning disability experiences, training and services needs of secondary school teachers. *Malaysian Journal of Psychiatry* 17(2): 1-14
- Zwicker, J G & Montgomery, I. 2012. Application of motor learning principles to handwriting instruction and intervention. *Handwriting Today* 11: 9–19Rujukan
- Abd Ganing Laengkang, Rohaidah Haron dan Ab Razak Ab Karim. (2019). Lakuan Bahasa ekspresif Tun Dr. Mahathir: Kajian kes terhadap 40 artikel chedet. cc. *Malaysian Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(1),033-052
- Aminnudin Saimon. (2021). Lakuan pertuturan dalam filem Nordin Ahmad. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(1), 033-052.
- Aminnudin Saimon. (2019). Lakuan Bahasa dalam Filem Melayu Terpilih. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia)
- Aminuddin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2019). Penggunaan kiasan dalam plot konflik filem: Satu analisis pragmatik. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10,57-74.
- Andre. (2020). Sinopsis Arus Merah (2020) terlengkap. Film Malaysia. <https://www.tentangsinopsis.com/sinopsis-arus-merah-film-malaysia-2020-terlengkap/>
- Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof. (2019). Lakuan bahasa dalam ceramah Agama. *Akademika*, 89(Isu Khas), 41-53.
- Roswati Abdul Rashid, Satoshi Masutani, Noor Rohana Mansor, Roslina Mamat, Nurul Ain Chua Abdullah, dan Rosdi Zakaria. (2019). Penelitian lakuan bahasa pujian dalam komunikasi silang budaya pelancongan Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 4(1), 23-48.

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar

Setuju.

27.1.2023

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR